

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kehilangan pendapatan negara dari sudut ekonomi dan pelancongan akibat penutupan sempadan dengan Singapura setakat bulan September 2021 dan bilakah sempadan tersebut akan dibuka dan apakah sebab utamanya sekiranya ianya tidak dibuka pada masa yang terdekat.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertimbangan pembukaan sempadan negara adalah tertakluk kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta perbincangan yang dibuat bersama negara-negara berkaitan. Sehingga kini, masih terdapat varian-varian baru COVID-19 yang menular dengan pantas sehingga mendatangkan cabaran yang besar kepada mana-mana negara termasuk Malaysia untuk mempertimbangkan pembukaan sempadannya dalam masa terdekat.

2. Sebelum pandemik COVID-19 melanda, Singapura merupakan pasaran utama pelancong ke Malaysia, iaitu mewakili hampir 40% daripada jumlah keseluruhan ketibaan pelancong. Pada tahun 2020,

ketibaan pelancong dari Singapura merosot sebanyak 84.8% daripada 10.1 juta orang pelancong kepada hanya 1.5 juta orang pelancong. Perbelanjaan pelancong Singapura turut jatuh sebanyak 86.8% iaitu daripada RM20.5 bilion kepada RM2.7 bilion pada tahun 2020. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021, Malaysia hanya menerima seramai 1,591 ketibaan pelancong dari Singapura, dengan anggaran pendapatan sebanyak RM2.5 juta.

3. Pada masa ini, sempadan antarabangsa melalui jalan darat antara Malaysia dan Singapura hanya dibuka untuk pengembara yang memohon di bawah skim *Periodical Commuting Arrangement* (PCA) iaitu satu skim yang khusus bagi memudahkan cara perjalanan rentas sempadan untuk golongan pekerja.
4. Kerajaan turut menerima pelawat perniagaan dari Singapura melalui pelaksanaan skim *One Stop Centre* (OSC) di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) KLIA yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Pelawat Perniagaan Jangka Pendek (kurang dari 14 hari) dan Jangka Panjang (melebihi 14 hari).
5. Pihak Kementerian Luar Negeri (KLN) bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kerajaan Negeri Johor juga sedang dalam usaha untuk mengemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan Singapura mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi *Daily Commuting Arrangement* (DCA) untuk pengembara yang lengkap vaksinasi COVID-19. Pada masa yang sama, kita juga sedang mengadakan perbincangan berkenaan pembukaan skim *Vaccinated Travel Lane* (VTL) melalui perjalanan udara yang tiba di PMA KLIA dan perjalanan darat di Tambak Johor.

Sekian, terima kasih.